



LEMBAGA PENGARAH

BOARD OF DIRECTORS

Rujukan Kami : UPM.PEND.100-1/6/1(2)

Tarikh : 16 November 2022

ARAHAN PENTADBIRAN UPM BILANGAN 1 TAHUN 2022

**PELAKSANAAN IMUNISASI COVID-19 BAGI PEGAWAI
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
(PEMANSUHAN)**

TUJUAN

1. Arahan Pentadbiran ini bertujuan untuk memansuhkan Arahan Pentadbiran Bilangan 1 Tahun 2021 mengenai pelaksanaan imunisasi COVID-19 bagi pegawai Universiti Putra Malaysia.

LATAR BELAKANG

2. Lembaga Pengarah Universiti melalui Minit Mesyuarat LPU 160/05 bertarikh 15 November 2021 telah mengeluarkan Arahan Pentadbiran UPM Bilangan 1 Tahun 2021 di bawah seksyen 27 Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] bagi pelaksanaan imunisasi COVID-19 bagi pegawai Universiti Putra Malaysia.

3. Selaras dengan dasar kerajaan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) Fasa Peralihan ke Endemik yang telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan ditetapkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan menurut Peraturan 17 Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di Dalam Kawalan Tempatan Jangkitan) (Pelan Pemulihan Negara) (Fasa Peralihan ke Endemik) 2022 [P.U.(A) 83/2022], vaksinasi COVID-19 tidak lagi menjadi satu keperluan oleh semua individu di seluruh Malaysia berkuat kuasa mulai 1 April 2022.

PEMANSUHAN

4. Pada menjalankan kuasa di bawah seksyen 27(1) Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] dan selaras dengan dasar Kerajaan seperti yang dinyatakan dalam perenggan 3 di atas, Lembaga Pengarah Universiti melalui mesyuarat Minit LPU 167/02(1)(d)(1) bertarikh 4


Oktober 2022 bersetuju memansuhkan Arahan Pentadbiran Bilangan 1 Tahun 2021 mulai tarikh kuat kuasa yang dinyatakan dalam Arahan Pentadbiran ini.

TARIKH KUAT KUASA

5. Arahan Pentadbiran ini berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2022.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERILMU BERBAKTI"



**(YAM TENGGU SYARIF LAKSAMANA PERLIS
DATO' SERI DIRAJA SYED RAZLAN JAMALULLAIL)**

Pengerusi Lembaga Pengarah
Universiti Putra Malaysia